Sepatutnya isu Lynas ini ditangani pada ketika Amanda membuat tuduhan pada Disember lepas yang sedikit sebanyak telah mencalar kewibawaan kerajaan bukan sahaja dalam hal mematuhi perjanjian antarabangsa tetapi juga dituduh MESTECC menggubal dasar tidak berlandaskan fakta sains.

Menyedihkan, isu Lynas hanya menjadi bahan percanggahan pendapat antara beberapa menteri dan Ahli Parlimen setelah Timbalan Menteri MESTECC, Isnaraissah Munirah Majilis dalam sesi soal jawab Parlimen Isnin lepas menyatakan Kuala Lumpur sedang berunding dengan Canberra dalam hal mekanisme penghantaran balik sisa WLP.

Ini selepas empat bulan selepas isu ini mula timbul. Sekali lagi Dr. Mahathir terpaksa mencelah bagi meredakan keadaan dengan menegaskan kerajaan akan memutuskan perkembangan terbaharu mengenai isu sisa buangan Lynas dalam mesyuarat Kabinet kelak.

"Mungkin akan berlaku perbezaan pendapat mengenai isu berkenaan dan ia adalah biasa. Namun, apa yang diputuskan oleh Kabinet kelak akan dianggap keputusan rasmi kerajaan," tegas Dr. Mahathir.

**LAMPIRAN 10**
**UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS): MUKA SURAT 24**
**TARIKH: 4 APRIL 2019 (KHAMIS)**

# Merungkai misteri angkasa

"Planetarium Negara memainkan peranan yang penting dalam menghidupkan kesedaran kepentingan bidang sains angkasa dalam kalangan masyarakat dan mengorak langkah pertama dalam membawa Malaysia menceburi bidang sains angkasa.




MANUSIA meneropong ke angkasa lepas bagi mencerap objek di langit dan fenomena angkasa.



**Oleh LAUPA JUNUS**
*laupajunus@hotmail.com*

ASTRONOMI merupakan bidang sains yang mengkaji aspek berkaitan angkasa lepas, oleh itu ia sepatutnya menjadi daya penarik kepada pelajar untuk menceburi bidang berkenaan.

Meneropong ke angkasa lepas bagi memerhati fenomena yang berlaku merupakan satu aktiviti yang menyeronokkan apatah lagi tidak ramai manusia mengetahui apa yang berlaku di sana dan perubahan yang berlaku masih belum terungkai.

Kita menghuni Galaksi Bima Sakti yang mengandungi sebuah matahari, planet-planet dan bulannya masing masing, tetapi ilmu astronomi memberitahu terdapat banyak galaksi di angkasa lepas selain Bima Sakti. Malah terdapat 3,700 planet di angkasa lepas dikatakan belum diberi nama.

Masih belum terlambat bagi Malaysia untuk menceburi bidang sains astronomi. Malah penglibatan negara ini boleh dikatakan berlaku sejak 25 tahun yang lepas dengan penubuhan Planetarium Negara.

Planetarium Negara yang ditubuhkan pada 1994 merupakan manifestasi iltizam kerajaan untuk meneroka bidang sains angkasa seterusnya melahirkan lebih ramai pakar dalam tempoh jangka panjang.

Planetarium Negara memainkan peranan yang penting dalam mencetuskan kesedaran tentang kepentingan bidang sains angkasa dalam kalangan masyarakat dan mengorak langkah pertama dalam membawa Malaysia menceburi bidang sains angkasa.

Selepas 25 tahun penubuhannya pada tahun ini, agensi berkenaan mengambil kesempatan untuk meraikannya sejajar dengan penganjuran Minggu Sains Negara oleh Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) pada minggu ini iaitu bermula 1 April lalu hingga 7 April ini.

Menurut Pengarahnya, **Anita Bahari**, objektif pengisian aktiviti sempena Jubli Perak itu adalah menyorot perjalanan sejarah panjang dan pencapaian. Justeru kata beliau, aktiviti tersebut juga membantu kerajaan memupuk budaya cintakan sains dalam kalangan pelajar dan kepentingannya kepada negara.

"Kita memilih tema Terukir Di Bintang sesuai dengan pencapaian kita dari dulu termasuk menghargai ahli fizik wanita yang juga pengasas Planetarium Negara, Datuk Dr. Mazlan Othman," ujarnya.

Beliau berkata, program-program berkaitan astronomi seperti pencerapan langit malam, pencerapan fenomena angkasa, pencemaran cahaya dan Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS) boleh dijadikan daya penarik bagi pelajar meminati sains.

Ini kerana ramai kalangan pelajar yang tidak berminat kepada sains bukan sahaja kerana laluan kerjaya yang tidak menjamin masa depan, tetapi mereka menganggap sains agak rumit dan hanya berkisar tentang eksperimen dalam makmal.

Sedangkan katanya, sains adalah berkaitan urusan seharian yang nampak di depan mata, apa sahaja urusan manusia mempunyai elemen sains tanpa mereka sedari.

Malah kata Anita, bidang astronomi bukan sahaja menyeronokkan kerana membawa jasad sains di angkasa lepas di depan mereka menerusi teleskop, malah



Pengunjung diberi penerangan mengenai Makmal Angkasa Lepas.

1994-2019 25 PLANETARIUM

*Terukir Di Bintang*



Anita Bahari

## INFO

**Daya tarikan**

- **Pameran Sains Angkasa dan Astronomi** yang memberi peluang kepada pengunjung meneroka bahan pameran interaktif dan mencipta sendiri pengalaman pembelajaran yang unik.
- **Tayang Planetarium** menggunakan kubah besar sebagai layar yang memukau penonton seperti berada di angkasa lepas.
- **Teater angkasa** memuatkan 100 orang penonton yang mempunyai skrin berbentuk kubah aluminimum hemisfera.
- **Jam matahari** yang merupakan sebuah monumen jam.
- **Pameran luar** merupakan persekitaran bukit yang menghijau dihiasi replika balai cerap China dan India serta replika Stonehenge.
- **Spacepod** merupakan kemudahan terkini dalam ruang pameran iaitu simulator yang dapat memberi pengalaman berbeza.
- **Stesen Mikrosatelit** merupakan kemudahan yang menempatkan peralatan komunikasi radio amatur.
- **Balai cerap** merupakan kemudahan yang menempatkan teleskop dan aksesori untuk mencerap objek langit.
- **Galeri pemandangan** membolehkan pengunjung menikmati pemandangan indah menggunakan binokular.
- Saiz kubah 20 meter
- Aperture (bukaan) teleskop 14 inci.
- Luas kawasan 11,000 meter persegi.
- Lima juta pengunjung telah melawat Plantarium Negara sejak penubuhannya.

# LAMPIRAN 10 (SAMB.)
# UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS): MUKA SURAT 25
# TARIKH: 4 APRIL 2019 (KHAMIS)



**PELAJAR Victoria Institution, SMK Sains Puteri dan SMK Sri Bintang membentangkan hasil kerja berkumpulan mengenai makhluk asing di angkasa lepas pada program PASTI di Planetarium Negara baru-baru ini.**

mampu merungkai misteri di angkasa lepas .

"Kita ada banyak galaksi, malah dikatakan ada makhluk asing di luar sana, tetapi ia kekal menjadi misteri yang masih belum dirungkai," ujarnya.

Beliau memberitahu, antara tiga program utama yang diadakan sempena sambutan tersebut adalah Hari Terbuka Planetarium Negara yang diadakan pada 9 Februari lalu. Dalam program tersebut pengunjung tidak dikenakan bayaran dan mereka yang mempunyai tarikh lahir yang sama dengan penubuhan rasmi menerima hadiah istimewa.

Program kedua terbesar adalah Minggu Sains Negara yang bermula minggu ini. Walau bagaimanapun, Planetarium Negara memulakan acara seminggu sebelum itu dengan pengisian pelbagai program. Antara program yang telah dianjurkan seperti My Solar iaitu pada 24, 25, 29 dan 30 Mac, Kem Simulasi Langit Malam ( 26 dan 27 Mac), *Space For STEM* (30 Mac), Angkasa Cilik (31 Mac), Borak Buku Khas (Malam Bima Sakti Menari, 30 Mac) dan Program Penghargaan Awam, Sains Teknologi dan Inovasi (PASTI) pada 1 April lalu.

Acara lain yang telah berlangsung dan mendapat sambutan ramai adalah *Malaysian Olympiad on Astronomy dan Astrophysics* (MOAA) pada 24 hingga 28 Mac, demonstrasi Satelit Komunikasi (SATCOM) pada 31 Mac dan *Falak Online pada* 26 hingga 27 Mac.

Acara ketiga terbesar adalah pelancaran buku 25 Tahun Planetrium pada 25 April yang dijangka dilancarkan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Menurut Anita, pihaknya menyasarkan 25,000 kedatangan pengunjung bagi ketiga-tiga acara tersebut, tetapi baginya mereka yang datang sepatutnya mendapat pendidikan dan meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan sains angkasa.



**PENGUNJUNG tertarik melihat enjin roket Viking 5C yang pernah digunakan roket Ariane 4 yang dipamerkan di Planetarium Negara.**

# LAMPIRAN 11
## UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS): MUKA SURAT 25
## TARIKH: 4 APRIL 2019 (KHAMIS)

# Ada kehidupan di luar sana

MANUSIA masih mengkaji kemungkinan terdapat kehidupan asing atau *extraterrestrial life* seperti UFO dan tamadun lain selain di bumi. Mungkin masih di peringkat kajian kerana bumi belum diziarahi oleh makhluk berkenaaan sebagai membuktikan kehadirannya, tetapi ia bukanlah satu jenaka.

Presiden Persatuan Sains Malaysia (MSA) **Prof. Emeritus Datuk Dr. Mazlan Othman** berkata, manusia harus sedar bahawa Galaksi Bima Sakti yang dihuni manusia bersama matahari dan planet lain bukan satu-satunya yang ada di angkasa lepas.

"Ada banyak galaksi lain di luar sana, mungkin berbilion jumlahnya dan ini bukan satu jenaka kerana kajian mengenainya sedang berjalan," ujarnya pada Program Penghargaan Awam Sains Teknologi dan Inovasi (PASTI) Dalam Penerokaan Angkasa di Planetarium Negara baru-baru ini.



DR. MAZLAN OTHMAN

Yang turut hadir Timbalan Presiden MSA, **Datuk A. Aziz Mat** dan Pengarah Planetarium Negara, Anita Bahari.

Program tersebut dianjurkan sebagai sebahagian daripada sambutan ulang tahun ke-25 penubuhan Planterium Negara.

Kajian tersebut yang dinamakan astrobiologi ingin mencari bukti bahawa kehidupan di bumi bukanlah satu-satunya yang ada di luar angkasa dan penerokaan mengenainya bermula dengan penemuan planet planet baharu termasuk antaranya dalam gugusan sistem Kepler dan Trappist.

Malah dikatakan terdapat kira-kira hampir 4,000 planet lain telah dikenal pasti di luar angkasa yang dijumpai ahli astronomi.

Yang pasti manusia sudah berasakan bahawa mereka bukan keseorangan di angkasa lepas, tetapi sekiranya ada kehidupan pun, mereka bukan berasaskan kepada elemen karbon seperti manusia yang ada asid deoksiribonukleik (DNA) dan sebagainya.

Namun kata beliau, ada atau tidak kehidupan di angkasa lepas selain tamadun manusia bergantung kepada sistem planet yang ada di sana sama ada sesuai untuk didiami atau sebalikya kerana mana-mana makhluk tidak akan hidup di bintang bersuhu tinggi dan banyak bebola gas.

Dengan usia angkasa lepas dianggarkan 13.5 bilion tahun perkiraan perlu dibuat dengan kehidupan di bumi sama ada wujud hubunagn atau penghantaran isyarat sesama makhluk.

"Semenjak manusia mencipta radio, isyarat program-program radio kita telah tersebar ke angkasa dalam galaksi kita. "(Justeru) wujud kemungkinan satu komuniti makhluk asing di galaksi kita sudah berjaya mengesan isyarat ini dan mereka tahu kita wujud," ujarnya.

Dalam pada itu menurut A Aziz, pihaknya sentiasa ingin menjalinkan kerjasama dengan mana-mana pihak yang mahu memajukan bidang sains di negara ini.

Oleh kerana teknologi sentiasa berkembang, usaha perlu sentiasa dilakukan untuk meningkatkan minat terhadsap sains dalam kalangan masyarakat.

MSA yang ditubuhkan pada 1955 merupakan antara persatuan terawal di negara ini yang kini mempunyai kira kira 600 ahli.

## INFO

**Acara yang masih berlangsung sempena 25 tahun Planetarium Negara dan Minggu Sains Negara.**

- Dinosaur Kembali Hidup di Planterium Negara.
- Si Cilik Angkasa (KLSci-Fi) Weekend pada 6 April dan 7 April.

Info:

- Program Bersama Utusan Malaysia.
- Planetarium Negara bermula sebagai Bahagian Planetarium dalam Jabatan Perdana Menteri pada 1989.
- Pembinaan Kompleks Planetarium Negara bermula pada 1990 dan disiapkan pada 1993.
- Pelancarannya pada 7 Februari 1994 oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad.
- Pada bulan Julai 1995, bahagian ini dipindahkan ke Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan kini dikenali sebagai MESTECC.
- Planetarium Negara menempatkan sebuah teater berkubah di tengah-tengahnya.
- Keunikan reka bentuk teater tersebut telah memberikan cabaran yang hebat kepada jurubina projek, jurutera dan kontraktor bangunan.
- Ketelitian dan ketepatan yang diperlukan bagi projektor bintang dan filem berformat besar juga memberikan cabaran yang tidak kurang hebatnya.
- Banyak kesukaran terpaksa diatasi dan tempoh pameran selesai dipasang.

**LAMPIRAN 12**
**NEW STRAITS TIMES (LETTERS): MUKA SURAT 68**
**TARIKH: 4 APRIL 2019 (KHAMIS)**

HUMAN RIGHTS

# Technology can help autistic people live life to the fullest

**WE** celebrate World Autism Awareness Day on April 2 every year to encourage member states of the United Nations to raise awareness about autism.

Autism, a complex neuro-developmental disorder, is one of the most puzzling diseases.

Its prevalence has been increasing over the last 20 years. Its diagnosis is usually made before the age of 3 with significant male predilection.

It is characterised by social and communication impairment with repetitive, restrictive, and stereotypical patterns of behaviour, interest and activities.

The number of people diagnosed with autism has risen to 15 per cent globally since 2010.

With diagnoses covering a range of similar disorders affecting a person's interaction, communication and behaviour, there is no specific cure.

There are an estimated 70 million people in the world with autism, and 80 per cent of them live in developing countries.

It is estimated that as many as one in 59 children are born with autism and, in many countries, resources are so scarce for children that they can end up being socially and culturally marginalised for life.

The theme for this year's World Autism Awareness Day is "Assistive Technologies, Active Participation".

For many people on the autism spectrum, access to affordable assistive technologies is a prerequisite to exercise their basic rights and participate in the life of their communities, and thereby contribute to the realisation of Sustainable Development Goals (SDGs).

Assistive technology can reduce or eliminate the barriers to their participation on an equal basis with others.

For the UN, the rights of persons with disabilities, including persons with autism, is enshrined in the Convention on the Rights of Persons with Disabilities.

When world leaders adopted the 2030 Agenda for Sustainable Development in 2015, the international community reaffirmed its commitment to inclusive, accessible and sustainable development, and pledged that no one would be left behind.

In this context, the participation of persons with autism as agents and beneficiaries is essential for the realisation of SDGs.

For those on the autism spectrum, access to affordable assistive technologies is a prerequisite to exercise their basic human rights and participate in the life of their communities, and thereby contribute to the realisation of SDGs.

The Convention on the Rights of Persons with Disabilities acknowledges the instrumental role of assistive technologies in enabling persons with disabilities to exercise their rights and freedoms.

It obliges countries that are party to the convention to promote availability and use of such technologies at an affordable cost, to facilitate access to them, and to undertake or promote research and development of new technologies.

While technological advances are continuous, there are barriers to the use of assistive technologies, including high costs, lack of availability, lack of awareness of their potential, and a lack of training in use.

In several developing countries, more than 50 per cent of the persons with disabilities who need assistive devices don't receive them.

But we believe in making a difference, and we will continue our efforts in research as well as supporting individuals with autism and their families.

Let's celebrate autism. It is a six-letter word that stands for "Always Unique, Totally Intelligent, Sometimes Mysterious".

**OSWALD TIMOTHY EDWARD**
Faculty of Business and Management, UiTM Johor

# LAMPIRAN 13
# BERITA HARIAN (VARSITI): MUKA SURAT V56
# TARIKH: 4 APRIL 2019 (KHAMIS)



**inovasi**

## SSPTen elak pembaziran tenaga



*Md Nazri Othman*

### Pengguna boleh ketahui jumlah penggunaan secara terus

**Oleh Mohd Khairul Anam Md Khairudin**
khairul.anam@bh.com.my

**Durian Tunggal**

Penggunaan elektrik yang tidak dapat dipantau secara terperinci mengakibatkan pembaziran tenaga dan berpotensi memberi kesan kepada penggunaan tenaga tidak menentu serta berlebihan.

Hal ini berpotensi memberi kesan langsung kepada kenaikan bil elektrik yang terpaksa ditanggung oleh organisasi dan kadar indeks tenaga bangunan yang melebihi tahap piawai ditetapkan.

Bagi mengatasi situasi itu, Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) *Go-SaVE* yang diketuai oleh Prof Madya Dr Rozaimi Ghazali dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), di sini, komited mengetengahkan inovasi Sistem Pemantauan Pengurusan Tenaga (SPPTen).

Dekan FKE UTeM, Prof Madya Ir Dr Md Nazri Othman, berkata kajian inovasi yang bermula Mac 2017 itu berupaya membantu pengguna bagi mengetahui jumlah penggunaan tenaga secara terperinci dan makluman secara terus dapat dilaku-kan sekiranya berlaku pembaziran tenaga.

Katanya, antara punca utama masalah kadar indeks tenaga bangunan melebihi tahap piawai disebabkan tiada kawalan dan pemantauan terhadap pembaziran tenaga berikutan sumber maklumat penggunaan tenaga elektrik semasa yang terhad.

"Faktor lain disebabkan tiada pemantauan bil tenaga elektrik secara mikro, sistem sedia ada tidak mesra pengguna dan memerlukan kos tinggi serta kaedah konvensional yang berisiko.

### Cekap tenaga

"Cadangan penyelesaian adalah dengan mereka bentuk alat mudah alih yang dapat mengukur penggunaan tenaga serta membangunkan papan pemuka bagi memaparkan maklumat terperinci di suatu ruang kawasan, manakala Indeks Tenaga Bangunan (BEI) pula digunakan sebagai penanda aras untuk memastikan penggunaan tenaga berada pada tahap disasarkan.

"Secara umum, BEI bagi pejabat di Malaysia adalah 250 kWj/m /tahun, namun garis panduan kecekapan tenaga dalam Meterai Hijau Melaka bagi bangunan adalah BEI sekurang-kurangnya 150kWj/m /tahun untuk memastikan sesuatu bangunan atau ruang kerja itu menggunakan tenaga dengan cekap," katanya kepada *BH Varsiti*.

Berkongsi lebih lanjut, Md Nazri berkata, projek berkenaan memberi penandaan kepada organisasi dalam meningkatkan pengurusan sumber serta mampu meminimumkan perbelanjaan utiliti.

Beliau berkata, projek berkenaan juga seiring visi Melaka sebagai Negeri Bandar Teknologi Hijau menjelang 2020 dan menyokong tonggak Dasar Teknologi Hijau iaitu mencari ketidak-bergantungan tenaga serta mempromosikan kecekapannya.

"Melalui projek ini, penjimatan kos berjaya diperoleh dengan jumlah RM5,398.40 sebulan dan RM64,780.80 untuk setahun yang mana penjimatan ini dicapai pada satu fakulti sahaja merangkumi kos utiliti penggunaan elektrik.

"Projek ini berjaya membangunkan satu sistem baharu bagi membolehkan pemantauan penggunaan tenaga yang lebih terkawal di universiti, pada masa sama boleh diguna pakai kepada seluruh organisasi awam serta swasta di negara ini, seterusnya menjadi produk pengurusan tenaga ideal, berkesan dan mampan," katanya.




**Md Nazri bersama-sama** *Timbalan Dekan Pembangunan Pelajar UTeM, Prof Madya Dr Hidayat Zainudin menunjukkan cara penggunaan SPPTen yang dibangunkan oleh Kumpulan Go-SaVE.*

**info**

**Kejayaan SPPTen**

- → **Johan** kategori teknikal bersempena dengan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif peringkat UTeM pada 21 Mac tahun lalu
- → **Penarafan** emas pada Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Wilayah Tengah RTeX, di Hotel Royale Chulan Damansara, Julai 2018
- → **Memenangi** pingat emas pada Annual Productivity and Innovation Conference (APIC2018) peringkat kebangsaan di Pusat Konvensyen Sunway Pyramid, November tahun lalu

**LAMPIRAN 14**
**UTUSAN MALAYSIA (LUAR NEGARA): MUKA SURAT 44**
**TARIKH: 4 APRIL 2019 (KHAMIS)**



**PELANCARAN peluru berpandu semasa ujian anti satelit India pada 27 Mac lalu. - AGENSI**



**KIRA-KIRA 95 peratus objek yang dipaparkan dalam imej Pentadbiran Angkasa Lepas dan Aeronautik Kebangsaan adalah serpihan yang terapung di ruang angkasa. - AGENSI**

# Kritikan NASA disifatkan hipokrit

**WASHINGTON 3 April** - Kritikan Pentadbiran Angkasa Lepas dan Aeronautik Kebangsaan (NASA) terhadap ujian peluru berpandu anti satelit yang dilancarkan India sehingga menghasilkan 400 serpihan di orbit disifatkan sebagai hipokrit.

Perkara itu ditegaskan oleh Bruce K. Gagnon, Penyelaras Rangkaian Global Menentang Senjata dan Kuasa Nuklear di Angkasa yang melihat Pentagon sebenarnya telah menghasilkan banyak serpihan-serpihan di ruang angkasa lepas berbanding negara lain.

Menurutnya, walaupun Ketua NASA, Jom Bridenstine membidas tindakan India itu selain Pentagon mendesak untuk mana-mana negara agar tidak membuat 'keadaan huru-hara' di ruang angkasa lepas, perkara itu sebenarnya tidak memberi sebarang kesan kepada India.

"Hal demikian kerana Amerika Syarikat (AS) memerlukan keupayaan 'peperangan di ruang angkasa lepas' bagi mengekang kemajuan China.

"Malas AS kelihatan benar-benar 'menggalakkan India untuk memperkuatkan ruang angkasa lepas bagi membantu Washington 'menawan' China," katanya seperti dilaporkan portal berita *Russian Today*.

NASA sebelum ini melabelkan tindakan India memusnahkan sebuah satelit miliknya sebagai 'perkara buruk' dan menghasilkan 400 serpihan di orbit serta membahayakan Stesen Angkasa Lepas Antarabangsa (ISS).

India menembak jatuh satelit itu pada kedudukan orbit rendah dalam ujian peluru berpandu bagi membuktikan negara itu setaraf kuasa besar dunia.

Daripada 400 serpihan itu, 60 dikesan bersaiz besar manakala 24 yang lain dikenal pasti bertebaran pada aras paling tinggi berhampiran orbit ISS.

Bagaimanapun, 60 serpihan itu adalah jumlah kecil berbanding 21,000 yang wujud susulan ujian senjata anti satelit Rusia, China dan AS.

Dalam pada itu, Profesor Pengajian Strategik di Pusat Penyelidikan Dasar di New Delhi, Brahma Chellaney memberitahu, serpihan yang terhasil susulan ujian berkenaan kurang memberi kesan kerana berada pada orbit rendah dan akan terbakar ketika memasuki Bumi.

**LAMPIRAN 15**
**BERITA HARIAN (DUNIA): MUKA SURAT 72**
**TARIKH: 4 APRIL 2019 (KHAMIS)**

[ FOTO REUTERS ]



***Seorang wanita*** *memakai topeng ketika mengayuh basikal bagi mengelak kualiti udara yang tidak sihat di Chiang Mai, Thailand, semalam.*

# Thailand bekalkan peserta mesyuarat ASEAN topeng muka

**Bangkok:** Thailand akan menyediakan topeng muka untuk kemudahan peserta sidang kemuncak menteri kewangan dan bank pusat serantau yang bermula, hari ini, berikutan paras kualiti udara di Chiang Rai dilaporkan berada pada tahap membimbangkan.

Chiang Rai akan menjadi tuan rumah mesyuarat Menteri-Menteri Kewangan dan Bank Pusat Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) yang berlangsung selama dua hari.

**Kualiti udara tidak sihat**

Menurut data dikeluarkan kerajaan, ketika ini, indeks kualiti udara di bandar itu dilaporkan sudah mencecah paras tidak sihat, iaitu 240 hingga 250.

"Topeng muka akan disediakan," kata pegawai kanan Kementerian Kewangan, Nadhavudh Dhamasiri kepada Reuters.

Dalam pada itu, kira-kira 300 pegawai dijangka menghadiri mesyuarat berkenaan dan ada di antara mereka sudah tiba di Chiang Rai.

"Keadaan semakin bertambah baik dan setakat ini tidak menjejaskan jadual mesyuarat. Justeru, tiada cadangan untuk memindahkan lokasi atau jadual mesyuarat," kata Nadhavudh. **REUTERS**

**LAMPIRAN 16**
**NEW STRAITS TIMES (BUSINESS / WORLD): MUKA SURAT 62**
**TARIKH: 4 APRIL 2019 (KHAMIS)**

FIRST AIRLINE IN LIST

# Ryanair among Europe's 10 biggest polluters

**FRANKFURT:** Ryanair Holdings Plc was one of the 10 biggest polluters in Europe last year, a first for a company that doesn't run coal-fired power plants.

That's the conclusion of analysis of European Union carbon emissions data undertaken by Transport & Environment, a Brussels-based research group.

The group found Ryanair's carbon dioxide emissions rose 6.9 per cent last year.

The findings underscore the airline industry's rising contribution to greenhouse gases blamed for damaging the climate. Pollution from airlines has risen by about two-thirds since 2005 and is forecast to keep rising as flying becomes more affordable.

That puts the industry on course to become the single-biggest emitter in three decades.

Other industries are managing to cut their output of harmful substances. Last year, the European Union Emissions Trading System recorded an 3.8 per cent reduction in greenhouse gases.

Nations from Germany to the United Kingdom are phasing out coal plants to curb emissions.

Ryanair was ninth on the list of top polluters in Europe. The remaining slots in the top 10 were taken by utilities that generate electricity from coal, the dirtiest fossil fuel.

But Ryanair said in a statement it "is Europe's greenest and cleanest airline" and that "passengers travelling on Ryanair have the lowest CO2 emissions per kilometre travelled than any other airline."

The International Civil Aviation Organisation recently moved to address aviation emissions by adopting rules with self-policing elements.

Those call for offsetting any carbon increases by planting trees or investing in cleaner technologies.

Critics of the plan said offsets had already been tried and didn't work, in part because they were hard to police.

EU emissions covered by the region's carbon market resumed a decline last year after rising slightly in 2017, according to preliminary data. **Bloomberg**